

13 MAY 1998

Mahathir-Sudan

SUDAN BERI SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH KEPADA MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 13 Mei (Bernama) -- Sudan menyediakan hamparan permaidani merah untuk Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis sambutan yang biasanya dikhaskan kepada ketua-ketua kerajaan apabila beliau tiba di sini petang ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke negara paling luas di benua Afrika ini.

Presiden Hassan Ahmed al-Bashir, dengan mengeneppikan protokol, menyambut sendiri Dr Mahathir yang tiba dari Kaherah selepas menghadiri sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Kumpulan 15 (G15) negara-negara membangun.

Jet eksekutif khas yang membawa Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mendarat di Lapangan Terbang Khartoum pada jam 3.30 petang (9.30 malam waktu Malaysia) di tengah cuaca panas dengan suhu mencecah 43 darjah Celcius.

Atur cara lawatan yang ketat meliputi pertemuan dengan para pegawai Sudan, media, para intelektual, cendekiawan dan ahli perniagaan menanti Dr Mahathir, perdana menteri Malaysia yang pertama melakukan lawatan ke Sudan yang mempunyai ramai penduduk Islam.

Sudan, dengan keluasan muka buminya separuh daripada Eropah, kini mendapat perhatian antarabangsa apabila kira-kira 700,000 orang penduduk di bahagian selatan negara ini dilaporkan mengalami kebuluran.

Bernama difahamkan bahawa Malaysia dijangka menyumbang bantuan beras untuk dihantar ke kawasan-kawasan yang terlibat semasa lawatan Dr Mahathir ini.

Sebaik sahaja tiba, perdana menteri akan mengunjungi Presiden Bashir di Istana Presiden untuk pertemuan empat mata yang dijangka ditumpukan kepada usaha untuk meningkatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir juga akan menerima anugerah Doktor Kehormat Undang-undang daripada Universiti Khartoum di sini.

Malaysia kini merupakan pelabur asing kedua terbesar di Sudan selepas China, terutamanya dalam usaha sama mencari gali minyak dan perkongsian pengeluaran antara Petronas dan syarikat minyak milik kerajaan Sudan.

Pengeluaran minyak dijangka bermula Jun tahun depan dengan siapnya projek saluran minyak sejauh 1,600km membabitkan penyertaan syarikat minyak negara Malaysia itu dan syarikat-syarikat minyak milik kerajaan China dan Kanada.

Dr Mahathir juga akan merasmikan pejabat Petronas di sini pada hari Jumaat.

Dalam pada itu, beliau juga akan menemui Naib Presiden Pertama Ali Osman Mohamad Taha yang juga perdana menteri serta mengadakan temuramah dengan media rasmi Sudan dan menghadiri dialog dengan para intelektual, cendekiawan dan ahli parlimen tempatan.

Sebelum berlepas pulang ke tanah air pada hari Jumaat Dr Mahathir akan mengadakan sidang akhbar bersama Presiden Bashir.

--BERNAMA

AU oba